

# Lancar Measat-3a

Kosmo,  
1 Julai 09  
p. 46

**B**ARU-BAR U ini, Malaysia sekali lagi melakarkan sejarah dalam dunia sains astronomi apabila melancarkan satelit Measat-3a di Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan. Selepas enam jam 25 minit dilancarkan pada 22 Jun lalu, satelit Asia Timur Malaysia yang keempat atau MEASAT-3a berjaya memasuki ruang orbit seperti yang dijadualkan petang hari yang sama. Ia dibangun oleh Orbital Sciences



Corp. di Amerika Syarikat menerusi persetujuan yang dicapai pada tahun 2005 dengan wakil syarikat Malaysia, Measat Satellite Systems. MEASAT-3a akan menyertai MEASAT-1 dan MEASAT-2 yang sudah berada di orbit sejak 1996 di samping MEASAT-3 yang dilancarkan pada 12 Disember 2006. Satelit ini menyediakan perkhidmatan komunikasi C-band di seluruh benua Asia, Asia Barat dan Afrika. Ketua Pegawai Operasi Measat Satellite System Sdn. Bhd. (Measat), Paul Brown-Kenyon berkata apabila MEASAT-3a mula

beroperasi penghujung Julai ini, ia memberi manfaat besar kepada negara kerana menjadi pemain utama bidang itu di rantau ini. Ia juga menawarkan Ku-band iaitu penyiaran secara langsung ke televisyen rumah di Malaysia dan Indonesia dari slot orbit 91.5 darjah ke timur. Lima pelajar Malaysia turut terpilih untuk menyertai sekumpulan 13 pelajar dari negara Indonesia, India, United Kingdom dan Filipina ke Rusia dan Kazakhstan. Para pelajar ini berpeluang melihat secara dekat kecanggihan dunia teknologi angkasa lepas.